

Ya, Tun M ada hantar surat kepada Yang Dipertua tapi...

Astro Awani

07 Mei 2020

Farhana Joni,

KUALA LUMPUR: Bekas Setiausaha Akhbar Tun Dr Mahathir Mohamad, Endie Shazlie Akhbar mengesahkan bahawa bekas Perdana Menteri itu telah menghantar surat kepada Yang Dipertua Dewan Rakyat.

Bagaimanapun, butiran surat yang dihantar kepada Tan Sri Mohamed Ariff Yusof itu tidak didedahkan.

"Ya, Tun ada hantar surat kepada Yang Dipertua Dewan Rakyat tetapi saya tak pasti sama ada itu surat tersebut.

"Sebab saya tidak sempat tengok surat asal," katanya ketika dihubungi Astro AWANI pada Khamis.

Sepucuk surat bertarikh 4 Mei dan ditandatangani oleh Dr Mahathir yang juga Ahli Parlimen Langkawi kini tular di media sosial.

Surat itu memohon untuk membawa usul dan resolusi tidak percaya terhadap Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Usul itu mengikut Peraturan Mesyuarat 26 (1) yang dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27 (3) dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat.

**© 2020 Astro Awani Network Sdn. Bhd.
(535275-D) All Rights Reserved.**

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/ya-tun-m-ada-hantar-surat-kepada-yang-dipertua-tapi-241979>